



## **BEBERAPA KESILAPAN YANG MENGAKIBATKAN SEMBAHYANG TIDAK SAH**

### **(BAHAGIAN PERTAMA)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

Dalam sembahyang mempunyai rukun yang wajib dilaksanakan dan perkara-perkara sunat jangan diabaikan. Kecuaian seseorang dalam melaksanakannya boleh menyebabkan sembahyang itu tidak sah atau sekurang-kurangnya tidak sempurna.

Oleh itu, apa yang ingin dijelaskan di sini ialah berhubung dengan beberapa kesalahan yang sering dilakukan dalam mengerjakan sembahyang yang mana ia boleh mengakibatkan sembahyang itu batal atau tidak sah.

#### **(1) Membaca Di Dalam Hati**

Jika seseorang mengerjakan sembahyang dengan hanya membaca di dalam hati rukun-rukun *qauli* atau bacaan-bacaan yang sunat, adakah perbuatan seumpama ini memadai atau ia boleh menjejaskan sembahyang?

##### **(i) Rukun *Qauli* (Bacaan-Bacaan Yang Wajib)**

Di dalam sembahyang adalah disyaratkan ketika melafazkan setiap rukun *qauli* iaitu *takbiratulihram*, surah al-Fatihah, *tasyahhud akhir* dan salam melafazkannya dengan suara yang dapat didengar oleh diri sendiri iaitu jika keadaan pendengarannya baik dan tiada halangan untuk mendengarnya seperti bunyi bising.

Namun jika keadaan pendengarannya tidak baik seperti tuli ataupun ada halangan untuk mendengarnya seperti bunyi bising, maka tidaklah diwajibkan dia mendengarnya, akan tetapi dia tetap wajib melafazkan bacaannya dengan suara yang sekira-kira boleh didengarnya ketika keadaan pendengarannya baik atau ketika keadaan tidak bising.

Oleh itu adalah tidak sah bacaan setiap rukun *qauli* apabila ia tidak dilafazkan dengan suara yang dapat didengar oleh dirinya sendiri seperti hanya dibaca dalam hati. Ini menyebabkan sembahyang yang dikerjakannya tidak sah.

#### (ii) Bacaan-Bacaan Sunat

Sementara bacaan-bacaan atau zikir-zikir yang sunat seperti doa *al-iftitah*, *at-ta'awwudz*, ayat atau surah dari al-Qur'an selepas *al-Fatihah*, *tasyahhud awal* dan seumpamanya adalah dituntut juga untuk melafazkannya dengan suara yang didengar oleh diri sendiri bagi mendapatkan pahala sunat. Jika tidak dilafazkan dengan suara demikian seperti dibaca dalam hati sahaja tidaklah menjejaskan sahnya sembahyangnya, tetapi dia tidak mendapat pahala sunat.

### **(2) Mengerjakan Sembahyang Dengan Cepat**

Disebabkan seseorang itu ingin cepat selesai dari mengerjakan sembahyang, kadangkala terabai tuntutan melakukan *thuma'ninah* di dalam sembahyang itu. Kecuaian dan kelalaian dalam melakukan *thuma'ninah* ini boleh menyebabkan sembahyang itu tidak sah.

*Thuma'ninah* merupakan salah satu rukun sembahyang. *Thuma'ninah* bermaksud tetap anggotanya ketika melakukan suatu rukun *fi'li* di dalam sembahyang sekurang-kurangnya dengan kadar bacaan zikir: “ ” sebelum beralih ke rukun *fi'li* seterusnya.

*Thuma'ninah* itu diwajibkan ketika *ruku'*, *i'tidal*, kedua-dua sujud dan duduk antara dua sujud, sebagaimana diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, bahawa ketika mana seorang lelaki selesai mengerjakan sembahyang di masjid, kemudian dia memberi salam kepada Baginda dan Baginda menjawab salamnya lalu bersabda:

:

:

:

:

( )

**Maksudnya:** “Kembalilah dan kerjakan sembahyang (semula), sesungguhnya engkau belum sembahyang.” Maka lelaki itu pun kembali dan mengerjakan sembahyang seperti sembahyang yang telah dia kerjakan. Kemudian dia datang kepada Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam lalu memberi salam kepada Baginda.

Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam menjawab: “Dan ke atasmu salam kesejahteraan.” Kemudian Baginda bersabda: “Kembalilah dan kerjakan sembahyang (semula), sesungguhnya engkau belum sembahyang.” Sehingga dia melakukan yang demikian itu sebanyak tiga kali.

Lalu berkata lelaki itu: “Demi Yang Mengutusmu dengan kebenaran, aku tidak dapat mengerjakan sembahyang yang lebih baik daripada ini, ajarkanlah aku.”

Baginda bersabda: “Apabila engkau mengerjakan sembahyang maka bertakbirlah, kemudian bacalah ayat al-Qur’an yang mudah bagimu. Lalu ruku‘lah sehingga engkau thuma’ninah dalam ruku‘mu, kemudian bangkitlah sehingga engkau lurus berdiri dengan berthuma’ninah. Lalu sujudlah sehingga engkau berthuma’ninah dalam sujudmu, kemudian bangkitlah sehingga engkau thuma’ninah dalam dudukmu. Kemudian lakukanlah yang demikian itu di dalam sembahyangmu pada setiap rakaat.”

(Hadits riwayat Muslim)

*Thuma’ninah* ketika *ruku‘* ialah tetap anggotanya semasa melakukan *ruku‘* sebelum bangkit untuk melakukan *i’tidal*. Sementara *thuma’ninah* ketika *i’tidal* ialah tetap anggotanya semasa *i’tidal* sebelum bergerak untuk melakukan sujud. Adapun *thuma’ninah* ketika melakukan sujud ialah tetap anggotanya semasa sujud sebelum bangkit daripada sujud. *Thuma’ninah* ketika duduk antara dua sujud pula tetap anggotanya semasa duduk antara dua sujud sebelum melakukan sujud kedua.

Jika seseorang itu *ruku'* lalu terus berdiri tanpa *thuma'ninah*, maka wajib dia kembali semula melakukan *ruku'* berserta *thuma'ninah*, kemudian baharulah dia berdiri untuk *i'tidal*.

Maka sembahyang yang dikerjakan dengan cepat atau tergesa-gesa boleh mengakibatkan tertinggalnya rukun *thuma'ninah* ini. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa rukun sembahyang jika tidak ditunaikan menyebabkan sembahyang tidak sah.

### (3) Sujud Dengan Tidak Mengendahkan Kedudukan Jari Kaki

Kecuaian dalam melakukan sujud juga kadang-kadang terjadi, seperti kedudukan jari kaki yang tergantung-gantung atau hanya meletakkan belakang jari kaki ke bumi.

Ketika melakukan sujud diwajibkan meletakkan kesemua tujuh anggota sujud ke bumi. Diriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*:

( )

**Maksudnya:** “*Nabi Shallallahu ‘alaihi wasallam diperintahkan (oleh Allah) untuk sujud di atas tujuh anggota dan tidak mengikat rambutnya (supaya tidak terburai ketika sujud) serta tidak menyingsing pakaian: (Iaitu) dahi, kedua tangan, kedua lutut dan kedua kaki.*”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Apa yang dimaksudkan dengan sujud di atas tujuh anggota itu ialah meletakkan sebahagian dahi, sebahagian kedua lutut, sebahagian telapak tangan atau perut jari kedua tangan dan sebahagian perut jari kedua kaki.

Oleh itu, tidak sah sujud itu dengan hanya meletakkan belakang telapak tangan, hujung-hujung jari atau tepi-tepinya. Begitu juga, tidak memadai sujud dengan hanya meletakkan belakang jari kaki apatah lagi membiarkannya tergantung-gantung.

Ini berbeza halnya jika ada keuzuran seperti putus tangan atau putus jari-jari kaki, maka gugurlah kewajipan untuk meletakkannya.

*bersambung*